

**FAKTOR KEMAHIRAN, SOKONGAN KELUARGA
DAN EFIKASI KENDIRI MEMPENGARUHI
HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN
GIATMARA**

FARAH AMIRA BINTI RIDZUWAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

FAKTOR KEMAHIRAN, SOKONGAN KELUARGA DAN EFIKASI KENDIRI
MEMPENGARUHI HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI
LATIHAN KEMAHIRAN GIATMARA

FARAH AMIRA BINTI RIDZUWAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹³(hari bulan).....¹² (bulan) 20²².....

i. Perakuan pelajar :

Saya, FARAH AMIRA BINTI RIDZUWAN M20181000992 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk FAKTOR KEMAHIRAN, SOKONGAN KELUARGA DAN EFIKASI KENDIRI MEMPENGARUHI HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN GIATMARA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NURUL FADLY BIN HABIDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FAKTOR KEMAHIRAN, SOKONGAN KELUARGA DAN EFIKASI KENDIRI MEMPENGARUHI HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN GIATMARA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 DISEMBER 2022

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: FAKTOR KEMAHIRAN, SOKONGAN KELUARGA DAN EFIKASI KENDIRI MEMPENGARUHI
HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN GIATMARA

No. Matrik /Matric's No.: M20181000992

Saya / I : FARAH AMIRA BINTI RIDZUWAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Nurul Fadiy Habidin
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
fadiy@fpe.upsi.edu.my
013-5376597

Tarikh: 18 DISEMBER 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka saya telah dapat menyiapkan laporan disertasi ini. InsyaAllah, laporan ini telah memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman sepanjang menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin memberi segala penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Nurul Fadly bin Habidin yang telah banyak membantu saya dengan memberi tunjuk ajar, memberi bimbingan, dan meluangkan masa untuk membuat perjumpaan untuk melihat kemajuan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang yang paling penting dalam kehidupan saya iaitu kedua-dua ibu bapa saya, Hairiah binti Sahar dan Ridzuwan bin Omar. Terima kasih menjadi tulang belakang yang tidak pernah jemu memberikan sokongan sepanjang pembelajaran saya.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan seperjuangan saya iaitu Nurathirah binti Abdul Ghafar yang sangat setia memberikan buah fikiran yang bernas serta bersama-sama menyelesaikan laporan disertasi ini sehingga ke penamatnya. Akhir kata, terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dilakukan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor kemahiran, sokongan keluarga, dan efikasi sendiri mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar institusi latihan kemahiran GiatMara di Selangor. Kajian ini menggunakan Model Teori Tingkah Laku Terancang (TPT) dan Teori Kognitif Sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan seramai 30 orang responden telah dipilih untuk kajian rintis manakala 302 orang responden telah digunakan untuk ujian sebenar. Hasil dapatan data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* yang merangkumi data deskriptif, analisis korelasi dan regresi, dan skor min untuk mengkaji tahap kecenderungan pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi latihan kemahiran Giatmara pada tahap sederhana tinggi yang menunjukkan nilai purata min sebanyak 3.8098. Seterusnya, hasil analisis regresi mendapati nilai pekali berganda (β) bagi faktor efikasi sendiri menunjukkan pengaruh yang positif terhadap hasrat keusahawanan iaitu ($\beta=0.918$, $p=0.000$). Manakala, faktor kemahiran dan faktor sokongan keluarga menunjukkan tiada pengaruh ke atas hasrat keusahawanan yang mencatatkan nilai ($\beta=-0.020$, $p=0.716$) bagi faktor kemahiran dan ($\beta=0.048$, $p=0.377$) bagi faktor sokongan keluarga. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan supaya para graduan seharusnya lebih didedahkan dengan persekitaran perniagaan sejak kecil supaya mereka lebih berkebolehan dan memanfaatkan peluang untuk mengisi kekosongan industri. Ianya juga dapat membantu kepada peningkatan kebolehpasaran para siswazah dan memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan lepasan universiti.





FACTOR OF SKILLS, FAMILY SUPPORTS, AND SELF EFFICACY INFLUENCES ENTREPRENEURIAL INTENTIONS AMONG STUDENTS OF GIATMARA INSTITUTIONS

ABSTRACT

This study aims to identify factors affecting students' entrepreneurial intentions at Selangor's GiatMara skills training institution, specifically, skills, family support, and self-efficacy. This study is grounded on the Theory of Planned Behavior Model (TPB) and Social Cognitive Theory and adopted the quantitative research design. 30 respondents were involved in the pilot study, and 302 respondents were involved in the actual study. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software to obtain descriptive data, correlation and regression analysis, and mean scores to determine the independent variable's degree of tendency to the dependent variables. This study's findings showed that the level of entrepreneurial tendencies among students in Giatmara skill training institutions is at a medium-high level, with a mean value of 3.8098. Next, the regression analysis achieved a multiple coefficient value (β) of ($\beta=0.918$, $p=0.000$) for self-efficacy, indicating its positive influence on entrepreneurial intention. Meanwhile, skills and family support showed no influence on the entrepreneurial intention with ($\beta=-0.020$, $p=0.716$) for skills and ($\beta=0.048$, $p=0.377$) for family support. In conclusion, this study's findings show that graduates should be more exposed to the business environment early to increase their capability and take advantage of opportunities to fill vacancies in the industry. The study can help to increasing graduates' marketability and fulfilling the government's desire to produce more entrepreneurs among university graduates.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15

1.7 Kerangka Teori dan Konsep Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.9 Batasan Kajian	21
1.10 Definisi Operasional	21
1.10.1 Kemahiran	22
1.10.2 Sokongan Keluarga	22
1.10.3 Efikasi Kendiri	23
1.10.4 Hasrat Keusahawanan	24
1.11 Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Konsep Usahawan dan Keusahawanan	26
2.3 Teori Tingkah Laku Terancang (<i>TPB</i>)	29
2.4 Teori Kognitif Sosial	35
2.5 Pemilihan Teori Keusahawanan	38
2.6 Hasrat Keusahawanan	42
2.7 Kemahiran	45
2.8 Sokongan Keluarga	51
2.9 Efikasi Kendiri	55
2.10 Rumusan	60

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	61
3.2 Reka Bentuk Kajian	62
3.3 Populasi Kajian	64

3.4 Sampel Kajian	64
3.5 Kerangka Persampelan	68
3.6 Lokasi Kajian	69
3.7 Instrumen Kajian	69
3.8 Kaedah Pengumpulan Data	76
3.9 Analisis Data	78
3.9.1 Statistik Analisis Deskriptif	79
3.9.2 Statistik Analisis Inferensi	81
3.10 Kajian Rintis	82
3.10.1 Kesahan instrumen kajian	83
3.10.2 Kebolehpercayaan instrumen kajian	85
3.10.3 Analisis Faktor	87

3.11 Rumusan	89
--------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	90
4.2 Ujian Kenormalan	91
4.3 Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian	94
4.3.1 Profil Responden	94
4.3.1.1 Jantina	94
4.3.1.2 Kumpulan Umur	95
4.3.1.3 Penglibatan Keluarga Dalam Keusahawanan	96
4.3.1.4 Kursus yang sedang diikuti	97
4.3.1.5 Pengalaman Keusahawanan	98
4.3.1.6 Pemilihan Kerjaya	99

4.3.1.7 Pendapat Utama Memilih Kerjaya Keusahawanan	100
4.4 Analisis Skor Min	101
4.5 Analisis Inferensi	103
4.5.1 Hubungan Kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri mempengaruhi hasrat keusahawanan institusi pelajar kemahiran GIATMARA	103
4.6 Rumusan	113
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	114
5.2 Ringkasan Kajian	115
5.3 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian	116
5.3.1 Persoalan Kajian	117
5.3.1.1 Tahap Kecenderungan Hasrat Keusahawanan	118
5.3.1.2 Faktor Kemahiran	118
5.3.1.3 Faktor Sokongan Keluarga	119
5.3.1.4 Faktor Efikasi Kendiri	120
5.3.2 Hubungan Serta Faktor Yang Mempengaruhi Hasrat Keusahawanan	122
5.3.2.1 Pengaruh Kemahiran	122
5.3.2.2 Pengaruh Sokongan Keluarga	124
5.3.2.3 Pengaruh Efikasi Kendiri	126
5.4 Implikasi Kajian	128
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	130
5.6 Rumusan	131
RUJUKAN	133

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Statistik Tenaga Buruh Malaysia Tahun 2018 Hingga 2020	07
3.1	Subpopulasi Pelajar Giatmara Berdasarkan Tempat Kajian	67
3.2	Sumber Asal Soal Selidik Bagi Adaptasi Instrumen Soal Selidik	70
3.3	Pecahan Item Soal Selidik Setiap Bahagian	71
3.4	Item Soal Selidik Yang Digunakan Untuk Penyelidikan	72
3.5	Skala Penilaian Terhadap Item Soal Selidik	75
3.6	Analisis Pengelasan Skor Min Dan Tahap Penilaian	80
3.7	Nilai Korelasi Dan Tahap Hubungan	82
3.8	Ulasan Pakar Penilai Terhadap Soal Selidik	84
3.9	Nilai Pekali Cronbach Alpha Pembolehubah Kajian	86
3.10	Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	87
3.11	Ujian Analisis Faktor	88
4.1	Ujian Kenormalan Pembolehubah Bebas	92
4.2	Ujian Kenormalan Pembolehubah Bersandar	93



4.3	Kekerapan Demografi Jantina	95
4.4	Kekerapan Demografi Umur	96
4.5	Penglibatan Keluarga Dalam Bidang Keusahawanan	97
4.6	Kursus Yang Sedang Diteruskan	98
4.7	Pengalaman Terlibat Dengan Keusahawanan	99
4.8	Kekerapan Pemilihan Kerjaya	100
4.9	Kekerapan Pendapat Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	101
4.10	Min Dan Sisihan Piawai Pembolehubah	102
4.11	Nilai Korelasi Dan Tahap Hubungan	103
4.12	Ringkasan Model Dan Nilai R	106
4.13	Analisis Anova	107
4.14	Analisis Regresi Antara Kemahiran, Sokongan Keluarga Dan Efikasi Kendiri Dengan Hasrat Keusahawanan	108
4.15	Jadual Ringkasan Statistik Koloneariti	109
4.16	Jadual Ringkasan Korelasi Statistik Multikolineariti	110
5.1	Tahap Kecenderungan Hasrat Keusahawanan	117



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.2	Kerangka konseptual faktor-faktor peramal dan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi latihan kemahiran Giatmara.	16
2.1	Teori Tingkah Laku Terancang.	30
2.2	Teori Kognitif Sosial	36
3.1	Kerangka Persampelan	68
4.1	<i>Normal Probability Plot Of Regression Standardized Residual</i>	112





SENARAI SINGKATAN

DMK	Kempen Dekad Membaca Kebangsaan
FAMA	Lembaga Pembangunan Pertanian Persekutuan
IRD	<i>Institute for research and development of policy</i>
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MIDF	<i>Malaysian Industrial Development Finance</i>
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
YPU	Yayasan Pembangunan Usahawan





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Mengikut kenyataan Abdullah Al-Mamun, Noorshella, Anushah dan Farhah (2016), aktiviti keusahawanan yang dilakukan tidak kiralah dalam sektor formal atau tidak formal sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang boleh mengatasi masalah pengangguran. Dalam melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi selaras dengan perkembangan teknologi, pengangguran atau lebih tenaga pekerja masih





berlaku di negara kita sama ada lepasan universiti atau lepasan sekolah. Kalau dahulu ramai beranggapan untuk mendapat peluang kerja yang bagus haruslah menjadi seorang yang berpendidikan tinggi. Namun begitu, masalah yang terjadi pada masa kini ialah isu pengangguran yang bukan sahaja terjadi pada yang kurang berpendidikan malah mereka yang berpendidikan tinggi juga sedang bergelut untuk mendapatkan pekerjaan (Iklima, Pawan, Sung & Ahmad, 2020). Pendapat ini selari dengan kajian Zairoslawanee (2014) yang menyatakan bahawa apabila berlakunya pengangguran dalam kalangan siswazah, ia merupakan satu masalah pembaziran kepada negara kerana kos-kos yang terlibat untuk pendidikan dan tempoh masa untuk mendapatkan segulung ijazah bukanlah satu tempoh yang pendek.



Situasi ini nampak dengan lebih ketara apabila berlakunya lambakan graduan yang hidup terumbang-ambing walaupun memiliki segulung ijazah tanpa mempunyai kelebihan tambahan menyebabkan kebanyakan majikan amat teliti dalam memilih pekerja. Namun, ianya tidak boleh dinafikan bahawa kehidupan masa kini menyebabkan graduan terperangkap dengan kelayakan pendidikan di mana kerjaya yang ditawarkan tidak sepadan dengan ilmu yang dimiliki (Faraliyana & Aishah, 2017). Sehubungan dengan itu, graduan harus lebih peka dengan persekitaran semasa di mana mereka perlu bersaing dan berani menerokai bidang baru yang sesuai dengan kelayakan (Iklima et al., 2020). Ini menunjukkan mereka perlu menukar haluan daripada mencari pekerjaan ke membuka pekerjaan terutamanya semasa ekonomi sedang berkembang pesat.





Berdasarkan laporan Global Entrepreneurship Monitor (GEM, 2018) sebanyak 77.1% rakyat Malaysia merasakan bahawa bidang keusahawanan merupakan pilihan kerjaya yang tepat tetapi niat untuk keusahawanan menunjukkan kenyataan yang sebaliknya. Angka ini jauh ketinggalan berbanding negara serantau yang lain iaitu Malaysia (17.6%), Vietnam (25.0%), Indonesia (28.1%) dan Thailand (37.4%) dan ini juga dapat dilihat melalui kedudukan negara Malaysia yang masih lagi rendah dalam melahirkan usahawan yang berjaya iaitu hanya 69.9% berbanding negara Thailand (74.5%), Vietnam (74.8%), dan Indonesia (81.0%).



Bagi mengatasi masalah ini terus berlaku, kerajaan turut mengambil pendekatan untuk memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 iaitu menyediakan Program Keusahawanan Mikro yang dijalankan bersama-sama agensi milik kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pembangunan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Yayasan Pembangunan Keusahawanan (YPU) (Azman ,2017). Banyak inisiatif telah di buat untuk menggalakkan lagi Bumiputera mencapai kedudukan yang sepatutnya seperti kursus usahawan, pinjaman kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya turut diberikan kepada individu yang mahu atau telah melibatkan diri dalam usahawan.





1.2 Latar belakang kajian

Pada zaman globalisasi, Malaysia terus membangun untuk menjadi negara yang boleh memberikan saingan yang kompetitif kepada negara lain selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang mahu mendorong transformasi ekosistem perniagaan, industri dan usahawan untuk terus seiring dengan Revolusi Industri 4.0, ekonomi digital dan ekonomi intelek bagi menghasilkan industri nilai tinggi, seterusnya kekal relevan dan memenuhi kehendak ekonomi masa hadapan (Dasar Keusahawanan Nasional 2030, 2019).



Setiap individu mempunyai peluang yang sama rata untuk menjadi seorang usahawan, ianya bukannya hanya untuk seseorang yang mempunyai ciri-ciri yang khusus tetapi ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang terdapat di sekeliling. Rentetan itu, menurut Azira Amran, Nashriq dan Radin (2018) merasakan bahawa konsep keusahawanan telah semakin berevolusi apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2023 untuk peringkat Pendidikan Tinggi telah menjadi bukti dalam mentransformasikan belia ke arah yang lebih baik. Hal ini penting dalam menjadi permulaan kepada institusi dalam bidang teknikal yang menggabungkan pembelajaran kurikulum keusahawanan dan teknikal untuk memperkenalkan program keusahawanan dengan lebih terancang (Salleh, Rani & Latief, 2016).





Penekanan dan tumpuan keusahawanan diteruskan dengan penubuhan agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu GiatMara yang diberi peruntukkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Agensi ini merupakan institusi yang meletakkan fokus utama kepada kemahiran teknikal dan vokasional di samping menggalakkan para belia untuk bersama-sama merancakkan jaringan ekonomi serta merancakkan pertumbuhan keusahawanan. Ia bertujuan untuk membimbing para belia dengan memberikan tunjuk ajar berkenaan kemahiran untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan memenuhi keperluan industri. Permintaan yang tinggi terhadap pendidikan yang berasaskan teknikal dan latihan vokasional menyebabkan GiatMara berkembang dengan pesat dan dianggap peluang untuk mereka yang lebih berminat memilih pendidikan kemahiran sebagai laluan kerjaya.



Menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020, setiap IPT di Malaysia disarankan memperbanyakkan lagi pembangunan program-program keusahawanan sosial berasaskan perniagaan yang diajar secara formal atau bersifat praktikal untuk memberikan pengalaman kepada para pelajar (Nik Hanis, Mohamad Sattar & Ruhizan, 2016). Menurut Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT, 2017), dalam memastikan pelaksanaan ini berkesan, penyediaan infrastruktur dan ekosistem yang kondusif, kakitangan akademik yang bersesuaian atau ruang untuk pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan idea inovasi sangat penting bagi pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar.



Dasar pendidikan negara ini diteruskan lagi dengan pelaksanaan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang mana kemahiran keusahawanan bukan sahaja tidak fokus pada mata pelajaran perniagaan tetapi melibatkan semua mata pelajaran untuk membentuk dan menggilap potensi yang ada dalam diri pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Penubuhan ini bertujuan sebagai platform untuk para belia mendapatkan kemahiran yang sepatutnya sebagai persediaan mempunyai tenaga kerja yang mahir dan boleh menjadi usahawan teknikal disamping boleh memenuhi keperluan di industri dalam kemahiran. Selaras dengan kenyataan Hariyaty, Suraini, Wan Salmuni dan Rafiduraida (2016) yang berpendapat mekanisme ini dijangka mampu menarik minat pelajar dan berupaya mengubah persepsi masyarakat dan pemikiran mereka untuk mencipta peluang pekerjaan daripada hanya mahu menjadi pekerja yang makan gaji sahaja dalam meneruskan hidup mereka.

Merujuk kepada Jadual 1.1, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada tahun 2018 dan 2019 menunjukkan kadar peratus yang sama iaitu 3.3% dan meningkat kepada 4.9% pada tahun 2020 kesan daripada wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara sangat bergantung pada kadar tenaga yang digunakan secara maksimum dan kadar pengangguran yang minima (Amizan, 2018). Bilangan penganggur yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2018 terdapat seramai 504 300 yang tiada pekerjaan dan meningkat kepada 512 100 pada tahun 2019 dan terus melonjak naik kepada 782 500 untuk tahun 2020.

Jadual 1.1

Statistik tenaga buruh Malaysia tahun 2018 hingga 2020

	2018	2019	2020
Bekerja	14 776 000	15 162 100	15 240 000
Menganggur	504 300	512 100	782 500
<i>sambungan..</i>			
Kadar Pengangguran	3.3%	3.3%	4.9%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2020

Statistik Kementerian Kewangan menunjukkan kadar pengangguran negara Malaysia mengikut tahap pendidikan terus merekodkan peningkatan yang membimbangkan. Trend peningkatan terus direkodkan bagi pemegang ijazah iaitu sebanyak 22 400 manakala pemegang diploma ialah sebanyak 14 800. Secara keseluruhan kadar pengangguran bagi siswazah terus melonjak kepada 202 400 pada tahun 2020 berbanding 165 200 pada tahun 2019. Mengulas lanjut kenyataan ini, siswazah institusi latihan kemahiran yang menganggur pada tahun 2020 adalah sebanyak 16.4% manakala 59.9% menunjukkan kebanyakan daripada mereka masih mencari pekerjaan. Seterusnya, bagi kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah yang membawa maksud pekerjaan yang tidak sepadan dengan kelayakan telah meningkat sebanyak 31.2% pada tahun 2020 berbanding 26.7% pada tahun 2019. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2020). Melihat kepada statistik-statistik di atas, jelaslah bahawa masalah pengangguran bukan masalah yang boleh dipandang sebelah mata.



Pengangguran belia pada usia muda mempunyai kesan negatif yang serius pada jangka panjang terhadap pendapatan dan risiko ketidakbolehpasaran mahasiswa sebaik sahaja memperoleh ijazah daripada universiti pada masa hadapan (Bank Negara Malaysia, 2016). Sehubungan itu, masalah pengangguran dalam kalangan belia perlu diselesaikan mengikut pendidikan yang bersesuaian supaya mereka dapat membina kerjaya dan berdaya saing di pasaran buruh selepas menamatkan alam pengajian (Norain, Md Suhaimi & Md Daud 2019). Isu yang seringkali terjadi di mana-mana negara ialah isu pengangguran. Banyak kajian-kajian lepas yang telah membuktikan perniagaan dan keusahawanan merupakan antara cara yang berpotensi dalam usaha membasmi pengangguran dan kemiskinan (Ogundele, Waidi & Hammed, 2012; Misango & Ongiti, 2013; Delwar, Basyar & Rosni, 2014; Ali Yassin & Abdel Hafiez, 2013).



Penyelidikan sebelum ini memberi tumpuan kepada pelbagai faktor individu dan persekitaran untuk memahami penentu niat keusahawanan individu (Mustafa, Hernandez, Mahon & Chee, 2016). Walau bagaimanapun, kajian ini dilakukan dalam kalangan pelajar institusi kemahiran GiatMara untuk melihat hasrat keusahawanan berdasarkan faktor kemahiran, sokongan ibu bapa dan efikasi sendiri. Mereka merupakan generasi yang akan mencorak masa depan negara pada masa hadapan. Mereka juga mempunyai kekuatan dan kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan dan hanya perlu disalurkan kearah yang betul supaya boleh dimanfaatkan oleh generasi yang lain.





1.3 Penyataan Masalah

Baru-baru ini, negara kita diserang penularan COVID-19 yang menyebabkan ekonomi seluruh dunia tidak stabil sekaligus menyebabkan ramai pekerja sedia ada terpaksa diberhentikan dan wujudnya peluang pekerjaan yang amat tipis. Mengambil kira perkembangan ekonomi pada masa kini, seramai 70% (158 400) dalam kalangan siswazah menganggur adalah penganggur aktif, di mana ia akan menyebabkan berlakunya persaingan sengit antara bekas pekerja yang diberhentikan akibat krisis COVID-19 tetapi mempunyai pengalaman dan graduan yang baru tamat pembelajaran tanpa mempunyai pengalaman.



Menurut Ravi dan Aishah (2016), kajian kecenderungan keusahawanan yang melibatkan pelajar dari bidang dan tahap pengajian yang berbeza merupakan isu yang kurang diselidik. Pendapat ini juga disokong oleh Abbas (2015) dalam kajian Salleh dan Zulnaidi (2018) yang berpendapat bahawa kajian mengenai pendidikan keusahawanan yang melibatkan pelajar bidang teknikal dan bukan lah difokuskan kepada pelajar yang mengambil pengurusan perniagaan amatlah diperlukan kerana dapatan kajian-kajian lepas masih belum mencukupi. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk memenuhi isu kecenderungan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar teknikal dengan menjadikan pelajar pusat GiatMara sebagai responden kajian ini.



Menurut Fayolle dan Linan (2014), hasrat merupakan keinginan dalam diri individu untuk melaksanakan tindakan yang dirasakan yang merangkumi aspek sikap terhadap tingkahlaku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Ajzen, 1991). Ianya disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Ravi dan Aishah (2016) ke atas pelajar universiti yang menunjukkan keputusan untuk menjadi usahawan amat dipengaruhi oleh niat mereka terhadap bidang keusahawanan. Sudipa dan Damodharan (2012) dalam kajian Salleh dan Zulnaidi (2018) turut menyatakan bahawa faktor niat merupakan permulaan elemen yang paling berkesan untuk mempengaruhi tindakan dan keputusan seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Manakala, Mwiya, Wang, Shikaputo, Kaulungombe dan Kayakesi (2017) menjelaskan bahawa kawalan tingkah laku turut memberikan kesan yang signifikan kepada hasrat keusahawanan. Bukan itu sahaja, kata-kata semangat oleh seseorang yang dianggap penting oleh sesetengah individu juga dianggap sebagai galakan yang untuk melahirkan keinginan dalam melakukan sesuatu tindakan (Weedayanti & Giantari, 2016).

Kemahiran dan maklumat mengenai keusahawanan merupakan satu peluang atau kelebihan yang perlu dimiliki oleh seseorang pada masa kini untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya (Ali, 2017). Tambahan lagi, ianya bukan hanya terhad untuk memasuki alam pekerjaan tetapi ia juga merupakan faktor yang penting yang boleh digunakan untuk aktiviti perniagaan (Muhd Zaifurin, Hayati, Sabri & Ibrahim, 2016). Namun demikian, dalam pada masa yang sama ianya menyebabkan seseorang yang merasakan tidak mempunyai kemahiran dan ilmu yang secukupnya menyebabkan mereka



menolak untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan (Azman , 2017). Malah, kajian yang dilakukan oleh Zuhdi, Nizam dan Ruhizan (2017) turut menambahkan lagi kerunsingan apabila pihak industri menghadapi masalah para graduan tidak mempunyai kemahiran teknikal yang sepadan dengan keperluan industri pada masa kini. Bukan itu sahaja, kajian yang dilakukan oleh (Halijah & Faizal, 2018) turut merekodkan antara kelemahan yang sering menjadi faktor rungutan oleh majikan ialah kelemahan dari segi *soft skills* seperti kemahiran dalam berkomunikasi, kemahiran berfikir, kerja berpasukan dan sebagainya. Oleh itu, persoalannya bagaimana kemahiran yang para responden miliki dapat membantu membuka lembaran baru dalam meningkatkan hasrat keusahawanan pelajar.



Penglibatan ibu bapa dalam pemilihan kerjaya anak-anak mampu mempengaruhi pengetahuan dan kebolehan anak-anak (Siti Aisyah, 2018). Malah, sokongan emosi dan moral turut memberikan kesan yang positif dalam kehidupan anak-anak untuk jangka masa yang panjang seterusnya menyebabkan mereka lebih bersedia menghadapi sebarang rintangan untuk mengejar kerjaya mereka (Fam, Faridah & Norasmah, 2021). Hal ini demikian, apabila seseorang individu didedahkan dengan persekitaran keusahawanan seperti perniagaan keluarga, secara tidak langsung ianya dapat menarik perhatian anak-anak untuk mempunyai keinginan untuk melibatkan diri dengan bidang tersebut (Krueger, 1993; Shapero & Sokol, 1982).



Namun, proses pemilihan hala tuju kerjaya akan menjadi lebih sukar sekiranya pelajar kurang diberi perhatian oleh ibu bapa (Anuar & Norhaidawati, 2016). Ironinya, mengikut kajian Hasnah dan Habibah (2010) masyarakat di Malaysia lebih selesa menyerahkan dan mengharapkan sistem persekolahan untuk meningkatkan kemajuan anak-anak. Situasi ini lebih kurang sama dengan kajian Farliyana dan Nor Aishah (2017) yang merekodkan dorongan keluarga terhadap aspirasi keusahawanan dalam kalangan anak-anak berada pada tahap sederhana. Walaupun anak-anak sering menghabiskan masa di rumah tetapi ibu bapa kurang meluangkan masa untuk membeli bahan bacaan ilmiah yang boleh membantu kepada perkembangan kerjaya mereka pada suatu hari nanti. Sebaliknya mereka mengharapkan anak-anak dapat memperoleh pendidikan dan bekerja apabila tiba masanya (Rosni & Norfazila 2017). Situasi ini haruslah dikaji dengan lebih mendalam mengenai adakah sokongan keluarga masih lagi relevan dalam mendorong hasrat keusahawanan dalam kalangan pelatih pusat Giat MARA.

Dalam memastikan pelajar mampu mendepani cabaran globalisasi pada masa kini, efikasi sendiri harus menjadi tunjang utama dalam diri seseorang (Wan Hanum & Jamal, 2019). Hal ini disebabkan, individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang kukuh mampu menyelesaikan masalah yang sukar dengan efektif dan berusaha sehingga berpuas hati dengan usaha yang telah dilakukan. Ianya selari dengan kajian Makki, Javaid dan Bano (2016) yang mendapati sekiranya graduan mempunyai efikasi yang tinggi, ianya membawa ke arah pengaruh yang positif terhadap aktiviti keusahawanan. Namun, isunya kini kebanyakan kajian lepas menyatakan bidang keusahawanan hanyalah sebagai

kerjaya alternatif bagi graduan sekiranya belum mendapat pekerjaan yang diidamkan walaupun mereka mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi (Azzurra, Ricardo, Maurizio & Johan, 2020). Tambahan lagi, terdapat juga pelajar yang pernah melibatkan diri untuk melakukan aktiviti perniagaan di universiti namun akhirnya mereka tidak bersedia untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka (Yusof & Sapiah, 2017). Justeru itu, kajian ini mensasarkan kepada pelajar GiatMara untuk mengkaji keberkesanan efikasi sendiri dalam mempengaruhi hasrat keusahawanan sebagai pilihan utama dalam kerjaya.

Pelbagai inisiatif dan usaha telah dilakukan oleh kerajaan, namun sehingga kini bilangan masyarakat yang mahu menceburi bidang keusahawanan masih mencapai tahap yang memberangsangkan. Ini mungkin disebabkan kesukaran menukar pemikiran dan mentaliti para pelajar universiti untuk mempunyai kecenderungan menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian bukanlah sesuatu yang mudah untuk diubah (Norain, Md Suhaimi & Md Daud 2019). Pandangan dan tanggapan masyarakat terhadap bidang teknik dan vokasional hanya perlu bekerja di industri sahaja perlulah dihapuskan dalam melahirkan lebih ramai graduan yang berani melakukan sesuatu yang baru.

Kesimpulannya, kajian ini perlu dilakukan untuk mencari perhubungan di antara faktor kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri dalam mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar institusi kemahiran GiatMara.



1.4 Tujuan dan objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan mengenai

- i. Menentukan pengaruh antara kemahiran dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara.
- ii. Menentukan pengaruh antara sokongan ibu bapa dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara.
- iii. Menentukan pengaruh efikasi sendiri dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara..



1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap pengaruh di antara faktor kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara?
2. Adakah terdapat hubungan di antara faktor kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara?





1.6 Hipotesis Kajian

Ho₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara.

Ho₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sokongan keluarga dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara.

Ho₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor efikasi sendiri dengan hasrat keusahawanan pelajar institusi GiatMara.




1.7 Kerangka Teori Dan Konsep Kajian

Kerangka konsep digunakan sebagai jalan untuk penyelidik supaya dapat fokus kepada masalah, objektif dan hipotesis kajian. Kerangka konsep juga membolehkan penyelidik mencari kaitan penemuan yang bakal diperolehi dengan maklumat pengetahuan yang telah dikumpulkan berkaitan kajian-kajian lepas dan selari metodologi untuk mendapatkan maklumat tepat. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas ialah kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri yang mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi latihan kemahiran GiatMara sepertimana yang ditunjukkan pada



Rajah 1.1. Gambar rajah yang sama menunjukkan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah kecenderungan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi GiatMara.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual faktor-faktor peramal dan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi latihan kemahiran GiatMara.

Kajian ini menggabungkan model Teori Tingkah Laku Terancang dan Teori Kognitif Sosial yang terdiri daripada tiga komponen iaitu kemahiran, sokongan keluarga dan efikasi sendiri yang mewakili pembolehubah bebas. Manakala hasrat keusahawanan merupakan pembolehubah yang bersandar. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen & Fishbein, 2005). Dalam teori ini, kecenderungan merupakan kaedah ramalan yang terbaik dalam mengenal pasti tingkah laku keusahawanan pada masa hadapan. Selain itu, model ini menunjukkan bahawa niat atau hasrat ditentukan oleh tiga pembolehubah iaitu sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan.

Menurut Ajzen (1991), sikap merujuk kepada sejauh mana seseorang mempunyai penilaian yang menggembirakan atau kurang baik terhadap tingkah laku kepentingan dan ianya bergantung kepada jangkaan yang diharapkan. Norma subjektif merujuk kepada kepercayaan mengenai sama ada orang lain mendorong atau tidak untuk melakukan sesuatu. Ia berkaitan dengan kepercayaan seseorang sama ada keluarga, rakan sebaya atau orang yang penting untuk menjadi penyebab dalam melakukan tindakan. Manakala, kawalan tingkah laku yang dirasakan pula merujuk kepada persepsi seseorang mengenai kemudahan, kesukaran atau keupayaan diri untuk melaksanakan tingkah laku yang diingini.

Faktor ini mungkin terdiri daripada faktor dalaman dan luaran termasuk peluang, maklumat, kemahiran yang dimiliki, emosi atau pengalaman dalam melaksanakan tingkah laku. Semua pembolehubah ini mendorong kepada niat tingkah laku yang merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku tertentu di mana semakin kuat niat untuk melakukan tingkah laku, semakin besar kemungkinan tingkah laku akan dilakukan (Ajzen 2005, 2011, 2012).

Faktor efikasi diri yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan oleh Albert Bandura (1997) yang dikenali sebagai teori pembelajaran sosial yang menunjukkan semakin tinggi efikasi diri, semakin tinggi kepercayaan kepada kemampuan untuk berjaya. Bandura (1986) menyatakan bahawa efikasi sendiri ialah keyakinan seseorang

individu terhadap kebolehan yang ada pada diri sendiri untuk meningkatkan usaha dan seterusnya meningkatkan prestasi. Seterusnya, ia dianggap sebagai konstruk teras dalam mengendalikan kawalan ke atas tindakan seseorang dan mengembangkan kerjaya (Chong, 2007). Oleh demikian, efikasi sendiri dilihat sebagai satu faktor yang dapat mempengaruhi keputusan kerjaya seseorang.

Meskipun begitu, dalam konteks kajian ini, penyelidik hanya menfokuskan kepada konstruk norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan bagi Teori Tingkah Laku Terancang. Konstruk yang dipilih lebih sesuai dengan sifat pelajar GiatMara dalam menjadi pendorong ke arah hasrat keusahawanan dalam kalangan responden. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Ajzen (1991) bahawa norma subjektif merupakan penyebab yang akan mempengaruhi niat untuk melibatkan diri atau tidak melibatkan diri apabila menerima tekanan sosial daripada orang sekeliling. Tambahan pula, seseorang yang dianggap penting juga mampu membentuk keyakinan diri untuk membuat keputusan. Seterusnya, konstruk tingkah laku yang dirasakan juga dipilih kerana ianya juga bersesuaian dengan kenyataan Ajzen (1991) mengenai kepercayaan seseorang terhadap tahap kesusahan yang akan dihadapi apabila memilih sesuatu bidang yang akan diceburi berdasarkan kesesuaian kemahiran yang mereka miliki.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana ia dapat dijadikan asas bagi menentukan pelajar boleh membawa perubahan di dalam ekonomi atau dunia selaras dengan menjadikan Malaysia menjadi salah satu pendidikan yang bertaraf dunia. Selain itu, ia juga dapat menunjukkan sebanyak mana pelajar boleh menjadi serba boleh dalam pelbagai bidang dan mampu berdaya saing dengan negara-negara lain terutamanya dalam bidang keusahawanan dengan hanya membentuk, mengaplikasikan dan menguasai ilmu yang semakin berkembang dari masa ke semasa. Ini juga dapat membantu membentuk seseorang pelajar memahami dengan lebih mendalam peluang yang terbuka luas di negara Malaysia disamping menjadi seseorang yang berpotensi dalam mewujudkan kerjaya dan membuka peluang pekerjaan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh penyelidik, kita dapat mengetahui bahawa para pelajar mampu berdikari dan meneroka setiap peluang yang ada dengan hanya berbekalkan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang di ajar kepada mereka yang menggunakan konsep pembelajaran abad ke-21. Tambahan lagi, ia juga boleh membantu pelajar yang berminat untuk menjadi seorang usahawan dengan mengenal pasti hala tuju, produk atau perkhidmatan yang boleh memenuhi keperluan manusia pada masa datang, berkualiti dan sesuai dengan harga. Walaupun ramai yang meminati aktiviti keusahawanan tetapi kebanyakannya tidak berani untuk memilih dan memulakan kerjaya





menjadi seorang usahawan disebabkan tidak mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perniagaan.

Kajian ini juga boleh membantu pelajar mengenal pasti titik kelemahan dan kekuatan yang terdapat pada diri sendiri dalam usaha mencapai cita-cita untuk bergelar seorang usahawan. Melalui ilmu yang mereka miliki, pelajar akan mencari jalan dalam usaha untuk mengembangkan lagi potensi serta kebolehan yang dimiliki dan bersedia terhadap apa jua kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan. Tambahan lagi, pelajar akan lebih mengetahui sikap dan nilai yang positif terhadap keusahawanan dapat membantu mereka mencapai impian dan berjaya mencipta perkerjaan kepada seseorang yang memerlukan disamping membantu menaikkan ekonomi kearah yang lebih tinggi daripada sekarang.



Seterusnya, diharapkan kajian ini dapat membantu pensyarah atau guru untuk membentuk satu garis panduan yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendedahkan pelajar tentang konsep keusahawanan dan membantu pelajar lebih cenderung untuk berjinak-jinak kearah bidang ini, sekaligus menjadikan bidang ini sebagai keutamaan mereka setelah memasuki alam pekerjaan.





1.9 Batasan Kajian

Penyelidik melakukan kajian ini dengan memberikan penekanan kepada pelajar yang didaftarkan dalam program yang berkemahiran iaitu teknologi komputer dan rangkaian, elektrik, fabrik atau fesyen, rambut dan kosmetologi, kulinari, mekanikal, automotif, percetakan dan lain-lain. Kajian ini amat penting untuk mengkaji pemboleh ubah bebas yang diwakili oleh tiga unsur iaitu kemahiran, sokongan ibu bapa dan efikasi sendiri. Manakala, pemboleh ubah bersandar ialah untuk mengkaji hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Populasi bagi kajian ini adalah pelbagai semester dari institusi pendidikan Giatmara yang di Selangor. Sampel bagi kajian ini melibatkan pelbagai kemahiran untuk melihat daya saing yang positif dalam bidang ini dalam membentuk usahawan yang berjaya.

1.10 Definisi Operasi

Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dalam menjalankan pendidikan, pengkaji telah memberikan takrifan kepada istilah yang sering digunakan. Ini sangat penting dalam memastikan istilah tersebut selari dengan objektif kajian.





1.10.1 Kemahiran

Hattab (2014) mendefinisikan kemahiran sebagai satu kelebihan yang boleh dipupuk melalui pendidikan dan boleh digunakan untuk mengenalpasti peluang di sekeliling. Ia juga membolehkan seseorang mempercayai keyakinan dan kebolehan untuk menggunakan kemahiran yang ada padanya untuk memulakan sesuatu perniagaan (Entrialgo & Iglesias, 2016).

Dalam kajian ini, kemahiran merupakan pemboleh ubah bebas yang digunakan untuk mengenalpasti kemahiran yang dimiliki oleh pelajar berdasarkan bidang yang diambil di universiti, kolej atau institusi pendidikan berupaya memberi dorongan tambahan untuk pelajar membuka perniagaan.

1.10.2 Sokongan keluarga

Sokongan yang berterusan dan pergaulan yang lebih meluas dapat merangsang minda dan menjadikan seseorang lebih bermotivasi dan sentiasa berusaha untuk terus maju ke hadapan (Muhammad Rafiq et al., 2016).



Dalam kajian ini, peranan ibu bapa membawa maksud sebagai dorongan dalam menjadi penyokong terhadap minat anak-anak. Di samping itu juga, ibu bapa dianggap idola di mata anak-anak dalam melakukan sesuatu perkara atau aktiviti yang akan menumpukan pada daya usaha, masa, pemikiran dan sumber-sumber bagi memenuhi keinginan minat anak mereka.

1.10.3 Efikasi Kendiri

Menurut Bartimote-Aufflick, Bridgeman, Walker, Sharma dan Smith (2016) menunjukkan bahawa keberkesanan diri yang tinggi akan meningkatkan dan mencuba pelbagai usaha untuk menyelesaikan tugas yang diberikan supaya mencapai kejayaan yang ingin dicapai. Sebaliknya, individu yang mempunyai keberkesanan diri yang rendah akan mengurangkan usaha dan mudah mengalah apabila menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan tugas.

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri membawa makna pemikiran pelajar giat mara mengenai kemampuan, kebolehan dan keyakinan mereka dalam menetapkan panduan dan matlamat yang ingin dicapai dalam membuat aktiviti berkaitan keusahawanan setelah mereka menceburi bidang keusahawanan setelah tamat pengajian mereka di masa akan datang.



1.10.4 Hasrat Keusahawanan

Menurut (Iklima, Pawan, Sung & Ahmad, 2020) hasrat keusahawanan merupakan bahagian yang sangat penting dalam mewujudkan keazaman dan niat dalam melibatkan diri dengan keusahawanan. Dalam kajian ini, hasrat keusahawanan membawa definisi untuk meramal dan mengetahui hasrat individu atau pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan setelah tamat pengajian.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi faktor yang mempengaruhi hasrat keusahawanan. Ianya dapat dirumuskan bahawa untuk menjadi seorang usahawan bukan hanya dipengaruhi oleh ciri individu tetapi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor disekelilingnya seperti kemahiran, sokongan ahli keluarga dan efikasi sendiri yang terdapat dalam diri.

